

TEKS UCAPAN
YBHG.DATO' YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BERAPIT
28 JANUARI 2016 (KHAMIS), 10.30 PAGI

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Luciano Oliveira

Pengarah Urusan Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn Bhd

Yang Dihormati Encik Teh Pang Eng

Pengetua SMK Berapit

Ketua - ketua Jabatan

Para Guru

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh, Selamat pagi dan salam sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izinya dapat kita bersama pada hari ini dalam Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau bagi tahun 2016.
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Pengetua SMK Berapit, En. Teh Pang Eng kerana sudi menganjurkan Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2016 di sekolah ini dan menjemput saya untuk melancarkan Anugerah Sekolah Hijau 2016. Rakaman jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan dari Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada penaja utama kita iaitu Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn Bhd dengan jumlah penajaan sebanyak RM32,000. Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn Bhd telah menjadi penaja utama kepada Program Anugerah Sekolah Hijau ini bermula dari tahun 2010 sehingga sekarang iaitu selama tujuh tahun berturut-turut. Diharap penajaan ini akan diteruskan ke tahun-tahun yang akan datang.
3. Tujuan Anugerah ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada pihak sekolah dalam mengurangkan sisa buangan, penjimatan sumber, dan matlamatnya untuk pemeliharaan dan pemuliharaan

alam sekitar. Program Anugerah Sekolah Hijau ini dapat mendidik generasi pelapis mencintai dan menghargai alam sekitar seperti yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Local Action 21 Majlis Perbandaran Seberang Perai. Prinsip LA 21 adalah untuk menggalakkan dan melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial. Pecahan program utama yang di jalankan di bawah LA21 sepanjang 2015 dapat di bahagikan seperti berikut:

- 3.1. Anugerah Sekolah Hijau
- 3.2. Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika
- 3.3. Anugerah Kitar Semula Sekolah-Sekolah
- 3.4. Anugerah Komuniti Mampan
- 3.5. Program Sisa Sifar Sekolah
- 3.6. Program Sisa Sifar Komuniti
- 3.7. Penyerahan Pasu Bunga Kepada Sekolah
- 3.8. Pengkomposan
- 3.9. Program Pengindahan Bandar
- 3.10. Membuat Mud Ball
- 3.11. Kempen Makan Sampai Habis
- 3.12. Kebun Kejiranan (*Community Farming*)

- 3.13. Penyerahan Tong Kitar Semula Kepada Sekolah Tadika
 - 3.14. Pengumpulan Kotak Minuman
 - 3.15. Membuat Sabun Dari Minyak Masak Terpakai
 - 3.16. Membuat Cecair BIM
 - 3.17. Bengkel
 - 3.18. Taklimat
 - 3.19. Lawatan
 - 3.20. Program *Upcycle*
4. Visi sekolah hijau pula ialah Sekolah Hijau Sebagai Penggerak Kelestarian Alam Sekitar. Manakala misinya pula ialah pihak sekolah sentiasa menjadikan program sekolah hijau ini sebagai satu usaha berterusan bersama MPSP dalam merealisasikan amalan 4R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse* dan *Recycle* demi menyediakan satu persekitaran yang sihat untuk generasi akan datang. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat.
5. Saban tahun, terdapat peningkatan dalam penyertaan dari pihak sekolah dalam program ini. Peningkatan penyertaan adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN PENYERTAAN
2010	30
2011	36
2012	53
2013	86
2014	106
2015	141

141 Penyertaan ini terdiri daripada 29.8% Sekolah Menengah dan 70.2% Sekolah rendah. Terdapat 76 buah sekolah menengah dan 156 buah sekolah rendah di Seberang Perai. Oleh itu masih ada peluang untuk menambahkan peratusan penyertaan untuk tahun 2016.

6. Setiap sekolah yang menyertai akan dinilai berdasarkan beberapa kriteria utama iaitu:
 - 6.1. Perancangan dan Pengurusan = 20 markah
 - 6.1. Amalan Sisa Sifar = 30 markah
 - 6.2. Kebersihan dan penghijauan = 20 markah
 - 6.3. Program inovasi dan kreativiti = 15 markah

6.4. Penglibatan komuniti = 15 markah

7. Tarikh tutup penyertaan Anugerah Sekolah Hijau bagi tahun 2016 adalah lebih awal dari biasa iaitu pada 31 Julai 2016. Ini adalah kerana Pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai Perlu menghantar Keputusan para pemenang kepada Penang Green Council pada 30 Ogos 2016.
8. Selain itu, pihak sekolah juga perlu menghantar laporan jualan barang kitar semula kepada Jabatan Kemasyarakatan MPSP kerana markah akan diberi berdasarkan laporan yang diterima.
9. Tajaan peralatan senaman melalui pertandingan kitar semula masih dijalankan oleh Infitech Machinery dan jika terdapat pihak sekolah yang berminat boleh mengisi borang penyertaan dari syarikat tersebut.
10. Bagi tahun 2016 juga, pihak MPSP akan menganjurkan pertandingan mengumpul kotak minuman yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu sekolah menengah dan sekolah rendah. Tarikh

tutup penyertaan adalah pada 31 Julai 2016 dengan jumlah hadiah seperti berikut:

- 10.1. Johan = RM 300
- 10.2. Naib Johan = RM 200
- 10.3. Tempat Ketiga = RM 100
- 10.4. Saguhati (7 peserta) = RM 50

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Dasar Pengasingan Sisa Dipunca bagi Negeri Pulau Pinang akan dikuatkuasakan bermula pada 1 Jun 2016. Beberapa lokasi mengikut kategori telah dipilih untuk menjadi lokasi perintis sebelum dasar ini dikuatkuasakan. Majlis Pelancaran Projek Perintis Pertama Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di Kampung Changkat telah dilancarkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Lim Guan Eng pada 10 Januari 2016 yang lalu.

12. Bagi memudahkan masyarakat memahami dan menjalankan pengasingan sisa di punca, Negeri Pulau Pinang akan mewajibkan pengasingan sisa dibahagi kepada dua kategori sahaja. Kategori tersebut adalah sisa yang tidak boleh dikitar semula (termasuk sisa

makanan) dan sisa yang boleh dikitar semula. Kaedah ini lebih mudah untuk difahami dan diamalkan oleh para penduduk tanpa perlu memikirkan cara yang terlalu rumit untuk mengasingkan sisa mereka.

13. Semenjak MPSP memulakan kempen program sisa sifar dalam tahun 2010, masyarakat pelbagai lapisan telah diajak mengamalkan konsep 4R *Rethink, Reduce, Reuse and Recycle*. Konsep ini mengajak masyarakat berfikir terlebih dahulu sebelum menghasilkan sampah. Tahun 2016 adalah tahun transformatif bagi Negeri Pulau Pinang. Oleh itu Seberang Perai perlulah seiring dalam proses transformatif ini. Untuk mengubah Seberang Perai menjadi lebih bersih dan indah.

14. Pengurangan sisa atau dikenali sebagai program sisa sifar adalah menjadi matlamat utama MPSP kerana ia bertujuan untuk memanjangkan jangka hayat tempat pelupusan sampah yang sedia ada iaitu di Pulau Burung. MPSP membelanjakan RM8,897,300.10 bermula dari jan 2015 sehingga Disember 2015 untuk menguruskan 440,460.4 tan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Kos ini hanya Kos “*Tipping Fees*” di Pulau Burung, tidak termasuk gaji, kos

minyak dan penyelenggaraan kenderaan. 50 % sisa di seberang Perai adalah sisa domestik. Jika kita dapat menjalankan kitar semula dan pengkomposan, ia dapat mengurangkan 50% sisa yang dihantar ke tapak pelupusan. Saya juga ingin memaklumkan bahawa kadar kitar semula MPSP adalah yang tertinggi di Malaysia. Ini telah diumumkan oleh YB Tuan Chow Kon Yeow dalam program Anugerah Komuniti Mampan iaitu 39%.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

15. MPSP juga menjalankan bengkel-bengkel dan jalinan kerjasama dengan pihak sekolah. Pelbagai aktiviti telah dijalankan. Jika dilihat pada tahun 2015 sahaja terdapat 235 aktiviti yang digerakkan di bawah *Local Action 21*, yang mana aktiviti-aktiviti ini turut melibatkan pelbagai lapisan seperti pihak komuniti, NGO, kilang, pejabat, sekolah dan tadika. Ini membuktikan bahawa MPSP amat mengutamakan kelestarian dalam pembangunan di kawasan Seberang Perai ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Encik Teh Pang Eng, Pengetua SMK Berapit dan Encik Luciano Oliveira Continental

Automotive Componenents (Malaysia) Sdn Bhd kerana telah menjadi rakan kongsi MPSP dalam pemuliharaan alam sekitar terutamanya program Anugerah Sekolah Hijau. Saya mengharapkan lebih banyak penyertaan dari pihak sekolah dan sentiasa berusaha untuk mencapai kriteria yang telah ditetapkan supaya dapat kita bersama-sama memastikan Seberang Perai lebih bersih,hijau, sihat dan selamat.

Sekian, terima kasih.